

**Liqā' Maqārī' : Suatu Tinjauan Awal Terhadap Kualiti Hafazan  
Guru Tahfiz Al-Quran  
(Liqā' Maqārī': An Early Look at The Quality of Quranic Memorization of  
Tahfiz Teachers)**

Mohd Taufik Pangilun  
Fakulti Pendidikan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
Email: fiqsan83@gmail.com

Dr. Harun Baharudin  
Fakulti Pendidikan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
Email: harunbaharudin@ukm.edu.my

**Abstrak**

Guru tahfiz merupakan aset penting dalam sesebuah Institusi Pengajian al-Quran. Program Liqā' Maqārī' merupakan salah satu wadah dalam usaha Bahagian Pendidikan Islam (BPI), Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) menangani isu kualiti guru al-Quran. Kajian tinjauan ini bertujuan mengenalpasti tahap keberkesanan Program Liqā' Maqārī' terhadap kualiti hafazan guru al-Quran Maahad Integrasi Tahfiz di seluruh Negeri Selangor. Berdasarkan penyelidikan lapangan berbentuk kuantitatif, hasil kajian menunjukkan bahawa program ini berjaya meningkatkan tahap kualiti hafazan guru tahfiz MITS. Di samping itu, kualiti hafazan tersebut dapat membantu meningkatkan tahap pengaplikasiannya terhadap pelajar MITS. Pihak yang berkewajipan perlu mengambil perhatian sewajarnya bagi memperkasakan terhadap pelaksanaannya dan seterusnya dimanfaati Institusi-Institusi Pengajian al-Quran yang lain.

**Kata kunci:** Liqā' Maqārī', Pengulangan Al-Quran, Kualiti Hafazan, Guru Tahfiz, MITS Selangor

**Abstract**

Hafiz Teachers are important asset of Institution of Quranic Studies. The 'Liqā' Maqārī' Programme is one of the platforms in the efforts of the Islamic Education Division (BPI) in Selangor Islamic Religious Department (JAIS) in addressing the issue of quality of Quran teachers. This survey study aims to identify the level of effectiveness of the 'Liqā' Maqārī' Programme on the quality of memorization of MITS's Hafiz teachers. Based on quantitative field research held, the result shows that the program has succeeded in improving the level of memorization quality of MITS's Tahfiz teachers. In addition, the quality of memorization can help increase the level of application to MITS students. Those in charge need to take due care to strengthen its implementation and subsequently benefit other Institutions of Quranic Studies.

**Keyword:** Liqā' Maqārī', Recitation of the Quran, Quality of Memorization, Tahfiz Teacher, MITS Selangor

Article Progress  
Received: 20 April 2021  
Revised: 04 May 2021  
Accepted: 18 May 2021


## 1. PENGENALAN

Hafazan bererti informasi yang sudah masuk dalam ingatan dan merupakan suatu aktiviti minda yang sama seperti senaman fizikal yang boleh meningkatkan perkembangan kognitif serta mencerdaskan otak yang disertai dengan strategi dan teknik yang lain bagi mengekalkan ingatan sesuatu yang dipelajari (Abdul Hafiz et.al, 2005, Alieh Nasrollahi-Mouziraji, 2015, Md. Enamul Hoque, 2018). Walaupun terdapat pelbagai kaedah bagi memantapkan dan menguatkan hafazan, ia sebenarnya bergantung kepada jumlah pelaksanaan tkrar bagi hafazan baru dan lama (Abu Mazaya, 2006, Mohamad Khairudin Bajuri et.al, 2014).

Dalam usaha meningkatkan kualiti hafazan lepasan tahfiz yang berada ditahap sederhana (Nur Sakinah & Faizulamri, 2019), Bahagian Pendidikan Islam, Jabatan Agama Islam Selangor (BPI, JAIS) mengambil inisiatif mengupayakan guru-guru tahfiz dibawah kelolaannya dengan menyediakan platform dalam bentuk program latihan yang berkala. Menurut Goldstein (1993), latihan merupakan usaha sistematik bertujuan meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan mengubah sikap pegawai menjadi lebih baik. Program latihan mula dibentuk bagi melestarikan pembelajaran sebenar dan menjadikan peserta kondusif bagi menghadiri program latihan serta menambah baik kecekapan peserta dalam pekerjaannya (Goldstein a Ford, 2002; Nijman, 2004; Tai, 2006).

Konteks kajian ini berdasarkan Model Penilaian Latihan Kirkpatrick yang mendimensikannya kepada empat tahap penilaian bagi mengukur keberkesanan sesebuah program latihan. Tahap yang pertama adalah reaksi dan persepsi peserta mengenai program ini, ianya diukur berdasarkan pandangan peserta samada bersetuju atau tidak program tersebut. Selain itu, penilaian juga diukur melalui pandangan peserta tentang matlamat, jadual program dan pengurusan program. Seterusnya, dalam tahap yang kedua model ini, menekankan pembelajaran yang berlaku disepanjang latihan itu berlangsung. Melaluinya ia dilihat adakah berlakunya peningkatan tahap pengetahuan, kemahiran dan perubahan sikap peserta dalam mencapai objektif yang digariskan dalam program tersebut.

Tahap yang ketiga adalah berkaitan perubahan sikap atau kelakuan peserta terhadap tugasnya selepas menjalani program latihan tersebut. Ini dilihat melalui prestasi kerja peserta program di tempat ia bertugas atau organisasinya dan pengadaptasiannya terhadap pelajar. Dan yang terakhir, iaitu tahap yang keempat adalah hasil akhir atau keputusannya dari program tersebut samada ianya berkesan atau pun tidak terhadap organisasinya. Ia dicapai melalui penilaian terhadap peningkatan kualiti kerja, produktiviti dan kepuasan kerja peserta. Model Penilaian Latihan Kirkpatrick dapat dilihat dalam Rajah 1.



Rajah 1: Model Penilaian Latihan Kirkpatrick

## 1.1 Program Liqa' Maqari'

Rentetan Resolusi Simposium Pendidikan Tahfiz al-Quran Peringkat Antarabangsa (2016) menyatakan perlunya mengekalkan hafazan al-Quran dan berkemampuan mengkhatamnya berkali-kali secara istiqamah dan juga berkemampuan mengimami solat tarawih dengan hafazan 30 juzuk, Bahagian Pendidikan Islam, Jabatan Agama Islam Selangor (BPI, JAIS) mengambil cakna bagi meningkatkan kualiti guru tahfiz al-Quran dengan mewujudkan Program Liqa' Maqari' dibawah kelolaannya.

Liqa' Maqari' merupakan istilah arab yang terdiri dari dua patah perkataan. Perkataan liqa' bermaksud pertemuan atau perjumpaan, iaitu kata nama terbitan dari kata laqiya (al-Marbawi, 1931). Manakala kata maqari' bermaksud orang yang mahir dalam bacaan al-Quran dan meriwayatkannya secara mushafahah. Ia adalah kata nama lebih daripada dua atau jama' dari perkataan muqri'. Dari segi istilah pula, muqri' bermaksud seorang yang mahir dalam bacaan al-Quran dan meriwayatkannya secara mushafahah (Mujahid bin Ahmad Lutfi et. al, 2019).

Program Liqa' Maqari' merupakan satu medium bagi guru-guru tahfiz al-Quran khususnya di Maahad Integrasi Tahfiz Selangor (MITS) berkeupayaan memelihara dan mengekalkan hafazan al-Quran 30 juzuk. Ia mula dilaksanakan pada tahun 2016 sehingga tahun 2018 bagi fasa pertama, kemudian diteruskan pada 2019 bagi fasa kedua. Program ini mengguna pakai pelbagai kaedah khasnya talaqi musyafahah dan halaqah bersama fasilitator atau naqib terpilih dengan kekerapan lima kali pertemuan setahun. Semua peserta terdiri adalah guru tahfiz MITS di daerah Kuala Langat, Klang, Sabak Bernam dan Sepang. Pada setiap kali pertemuan, setiap guru tahfiz dikehendaki memperdengarkan hafazan sebanyak 2 juzuk dengan mengambil kira kemampuan memperdengarkannya dalam tempah 40 hingga 60 minit. Dengan melibatkan 11 orang fasilitator, peserta dapat diberi tumpuan dengan maksimum 6 orang setiap satu kumpulan.

Pada awal pelaksanaannya, ramai fasilitator luar dilibatkan bersama, berikutan kekangan kerja dan pengurusan program, urusetia telah melantik fasilitator dalaman bagi melancarkan program. Setelah berlakunya perubahan tersebut, diwujudkan Liqa Nuqaba' bagi memastikan para fasilitator dapat menyelesaikan bacaan hafazannya terlebih dahulu. Selain mendisiplinkan guru tahfiz al-Quran dengan kewajipan menjaga hafazan al-Quran, ia bertujuan membolehkan guru termotivasi dan bersemangat dalam usaha memelihara hafazan berkenaan.

## 2. PENYATAAN MASALAH

Tugas sebagai sebagai seorang guru pada masa kini adalah amat besar dan mencabar. Selain itu, tanggungjawab sebagai seorang al-Muqri juga bukanlah suatu perkara yang mudah, malah lebih sukar daripada itu dalam menjaga dan memeliharanya luput dari ingatan (Abd. Rahman et.al, 2017). Menurut Khairul Anuar (2018), akibat dari kekangan kerja dan kurang disiplin dalam mencari masa harian mengulang al-Quran menjadikan banyak ayat yang dihafaz suatu ketika dulu hilang dari ingatan dek meninggalkan ulangannya. Ini dikukuhkan dari hasil kajian Nur Sakinah dan Faizulamri (2019) menunjukkan didapati faktor-faktor pengukuhan hafazan dalam lepasan tahfiz masih berada pada tahap sederhana.

Terdapat sebuah hadith mengancam perbuatan melupakan hafazan bermaksud, dari Anas bin Malik bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: "Pahala bagi umatku ditunjukkan di hadapanku, bahkan (pahala untuk) debu yang keluar seorang lelaki keluar dari masjid. Dosa-dosa umatku diperlihatkan sebelumku, dan aku belum pernah melihat dosa yang lebih buruk daripada surah atau ayat al-Quran yang dipelajari oleh seorang lelaki dan kemudian dilupakannya.<sup>1</sup> Jelas betapa pentingnya penjagaan dan peneguhan al-Quran walaupun sudah tamat pengajian apatah lagi sebagai seorang guru al-Quran. Tugas memelihara hafazan al-Quran adalah tugas sepanjang hayat.

<sup>1</sup> Jamie al-Tirmidzi Hadith: 3166, Bab 45: Fadhail al-Quran.

Kajian berkaitan dengan kompetensi guru, Mardhiah Yahaya (2016), antara isu yang dibangkitkan dalam pendidikan tahfiz adalah berkaitan dengan ciri-ciri guru yang mengajar subjek hafazan dan konsep kesepaduan disifatkan masih lemah kerana ketiadaan model yang jelas dan ketiadaan guru yang berwibawa. Azmil Hashim et.al (2013) menyatakan analisis inferensi menunjukkan bahawa kelayakan ikhtisas yang didapati adalah kurang membantu dalam sesi pengajaran dan pembelajaran bidang tahfiz kerana metode dan pengajaran tahfiz adalah sangat berbeza dengan pengajaran subjek Pendidikan Islam yang lain. Dari sudut pendekatan guru pula, pemberian peneguhan yang merangkumi semua ganjaran positif, ganjaran negatif dan ketentuan hukuman adalah bergantung kepada situasi keadaan atau aras keupayaan seseorang pelajar itu. Sungguh pun begitu, tergantung pada guru hafazan yang ditugaskan untuk menjaga setiap kumpulan hafazan (Mohamad Khairudin Bajuri et.al, 2014). Menurut Abdul Hafiz Haji Abdullah et.al, (2005) merumuskan sistem yang paling baik dan memberikan kesan yang mendalam di dalam proses menghafaz al-Quran adalah bimbingan yang diberikan oleh guru atau tenaga pengajar di sesebuah institusi tahfiz itu sendiri.

Menurut Fatahurrahman (2006) bahawa seorang penghafaz yang tidak memberikan tumpuan yang jitu dalam pengulangan pasti akan mengalami masalah seperti kecelaruan memelihara hafazan, disiplin diri yang sangat lemah, kegelisahan dan gangguan. Ini dikukuhkan dari kenyataan Nur Sakinah & Mohd Faizulamri (2019), terdapat dua faktor yang dapat membantu proses pengukuhan hafazan al Quran ialah disiplin diri penghafaz dan pengaruh keadaan sekeliling.

Oleh yang demikian, adalah satu keperluan diwujudkan satu mekanisme tertentu bagi membantu lepasan institusi pendidikan tahfiz mengekalkan hafazannya dengan menubuhkan Majlis Syuyukh (Khairul Anuar Mohamad, 2018). Platfom tersebut dijadikan tempat pengujian dan penilaian, seterusnya akan dapat memberikan maklumat dan data yang sahih dan tepat terhadap tahap sebenar hafazan para hafiz (Mohamad Marzuqi Abdul Rahim, 2018). Ia juga perlu diteruskan dengan penambahbaikan yang berterusan kerana ia merupakan suatu bentuk pengiktirafan kepada golongan hafiz, disamping memberikan faedah yang sangat banyak kerana insentif elaun yang diterima, memotivasikan mereka untuk terus mengulangkaji dan mengingati al-Quran sebaiknya (Abd Rahman Abd Ghani, 2018).

### 3. OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini bertujuan melihat secara khusus keadaan sebenar pelaksanaan Program Liqa' Maqari' di bawah pengurusan BPI, JAIS. Tumpuan kajian adalah pada guru-guru al-Quran di MITS di seluruh Negeri Selangor. Objektif kajian adalah untuk:

1. Mengenalpasti tahap persepsi guru tahfiz terhadap Program Liqa' Maqari'.
2. Mengenalpasti tahap kualiti hafazan guru tahfiz MITS.
3. Mengaplikasikan tahap kualiti hafazan guru tahfiz yang diperoleh sepanjang program terhadap pelajar di MITS.
4. Mengenalpasti hubungan tahap kualiti hafazan dengan pengaplikasiannya terhadap pelajar di MITS.

### 4. METODOLOGI

Kajian lapangan ini merupakan kajian kuantitatif yang menggunakan borang soal selidik yang kemudiannya di analisis menggunakan *Statistical Package for the Social Sciences 26.0* (SPSS 26.0). Pengkaji telah memilih Maahad Integrasi Tahfiz Selangor (MITS) sebagai tempat kajian kerana mempunyai subjek dan data yang mampu menjawab persoalan kajian serta tujuan kajian. Di dalam kajian ini, populasi adalah terdiri daripada guru yang mengajar subjek tahfiz al-Quran di MITS Kuala

Langat, MITS Klang, MITS Sabak Bernam dan MITS Sepang. Manakala dalam menjalankan kajian, sampel yang dipilih adalah terdiri daripada 30 responden lelaki dan 31 responden perempuan. Responden diminta memilih jawapan mereka dengan menandakan salah satu nombor dari satu hingga lima berdasarkan keterangan bagi nombor-nombor tersebut.

Keseluruhan item soal selidik ialah 44 item dan mempunyai kepelbagai kesahan setelah disemak dan dipersetujui oleh dua pakar rujuk bidang berkaitan pada konstruk dan kandungan serta ianya mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi. Disamping itu kebolehpercayaan item- item dalam soal selidik ini juga, telah dilakukan satu analisis data untuk mendapatkan nilai alpha Cronbach. Didapati instrumen soal selidik keberkesanan Program Liqa' Maqari terhadap kualiti hafazan guru tahfiz mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi, iaitu nilai alpha Cronbach 0.856 seperti ditunjukkan dalam Jadual 1. Jadual ini menunjukkan bahawa instrumen tersebut mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi.

Jadual 1: Nilai Kebolehpercayaan

Indikator	alpha Cronbach
Sangat Tinggi	0.90 - 1.00
Tinggi	0.70 - 0.89
Sederhana	0.30 - 0.69
Rendah	0.00 - 0.30

Dalam kajian ini penyelidik menggunakan Statistik Deskriptif (Min dan Sisihan Piawai) di mana nilai skor yang diperolehi akan dijumlahkan, dipuratakan seterusnya menghasilkan min dan dapat diinterpretasikan bagi menghasilkan dapatan kajian yang sah dan boleh dipercayai. Interpretasi data dibuat berdasarkan nilai min yang diperolehi sama ada Sangat Rendah, Rendah, Sederhana, Tinggi dan Sangat Tinggi bagi tahap persepsi. Manakala nilai min Lemah, Kurang Memuaskan, Sederhana, Baik dan Cemerlang bagi tahap kualiti sebagaimana yang dapat ditunjukkan dalam Jadual 2 berikut:

Jadual 2: Skor min dan interpretasi data

Skor Min	Interpretasi Tahap Persepsi	Inteprestasi Tahap Kualiti
1.00 – 1.80	Sangat Rendah	Lemah
1.81 – 2.60	Rendah	Kurang Memuaskan
2.61 – 3.40	Sederhana	Sederhana
3.41 – 4.20	Tinggi	Baik
4.21 – 5.00	Sangat Tinggi	Cemerlang

## 5. DAPATAN KAJIAN

### 5.1 Analisis Profil Responden

Soal selidik ini telah mendapatkan 61 orang responden yang mengajar subjek tahfiz al-Quran yang bertugas sepenuh masa di MITS. Pembahagian responden disusun mengikut MITS, jantina, umur, akademik, ikhtisas, gred, pengalaman mengajar subjek tahfiz dan kekerapan latihan berkaitan tahfiz dalam tempoh lima tahun terkini dan disusun dalam Jadual 3 dibawah. Responden tertinggi adalah dari MITS Klang seramai 20 orang (32.8%), disusuli Kuala Langat 18 orang (29.5%), Sabak Bernam 13 orang (21.3%) dan Sepang 10 orang (16.4%). Dari kategori jantina dilihat seimbang dengan responden adalah Lelaki 31 (50.8%), diikuti oleh Perempuan 30 (49.2%). Bilangan responden dari segi umur pula, majoritinya adalah mereka yang diantara 30 hingga 39 tahun berjumlah 47 orang (95.9%), 20 hingga 29 tahun berjumlah 4 orang (6.6%) dan umur antara 40 hingga 49 tahun adalah 2 orang (3.3%). Seterusnya dari segi pendidikan akademik tertinggi pula, jumlah responden yang

mempunyai Ijazah Sarjana Muda adalah 46 orang (93.9%), 3 orang (6.1%) adalah mereka yang mempunyai SPM dan Ijazah Sarjana dan 2 orang (3.3%) responden yang mempunyai Diploma. Dari sudut latihan atau Ikhtisas Pendidikan, majoriti responden yang mempunyai Diploma Pendidikan iaitu 48 orang (98.0%), 7 orang (11.5%) yang tiada diploma dan lain – lain seorang (1.6%) iaitu yang mempunyai Sarjana Pendidikan. Bilangan tertinggi responden yang mempunyai pengalaman mengajar subjek tahfiz dari 6 hingga 10 tahun adalah 37 orang (60.7%), 14 orang (23.%) untuk 1 hingga 5 tahun, 9 orang (14.8%) untuk 11 hingga 15 tahun, dan seorang (1.6%) untuk 16 tahun ke atas. Seterusnya bilangan kekerapan responden yang mendapat latihan berkaitan subjek tahfiz al-Quran seramai 29 orang (47.5%) untuk 1 hingga 5 kali latihan, 18 orang (29.5%) untuk 6 hingga 10 kali latihan, 9 orang (14.8%) untuk 16 kali latihan ke atas dan 5 orang (8.2%) untuk 11 hingga 15 kali menerima latihan dalam tempoh 5 tahun terkini.

Jadual 3: Analisis Demografi Responden

	Item	Kekerapan	Peratus
MITS	Kuala Langat	18	29.5%
	Klang	20	32.8%
	Sabak Bernam	13	21.3%
	Sepang	10	16.4%
Jantina	Lelaki	31	50.8%
	Perempuan	30	49.2%
Umur	20 – 29 tahun	4	6.6%
	30 – 39 tahun	55	90.2%
	40 – 49 tahun	2	3.3%
Akademik	SPM	3	4.9%
	Diploma	2	3.3%
	Ijazah Sarjana Muda	53	86.9%
	Ijazah Sarjana	3	4.9%
Ikhtisas	Tiada	7	11.5%
	Diploma Pendidikan	53	86.9%
	Lain-lain	1	1.6%
Gred	DG 29 - 38	1	1.6%
	DG 41 - 48	49	80.3%
	Lain-lain	11	18.0%
Pengalaman	1 – 5 tahun	14	23.0%
	6 – 10 tahun	37	60.7%
	11 – 15 tahun	9	14.8%
	16 tahun dan keatas	1	1.6%
Latihan	1 – 5 kali	29	47.5%
	6 – 10 kali	18	29.5%
	11 – 15 kali	5	8.2%
	16 kali dan keatas	9	14.8%

## 5.2 Penilaian Tahap Persepsi Guru Tahfiz Terhadap Program

Bagi menjawab soalan kajian berdasarkan objektif kajian yang pertama, analisis deskriptif meliputi min dan sisihan piawai serta tahap interpretasi menunjukkan keseluruhan persepsi guru tahfiz terhadap Program Liqa' Maqari' berada di tahap yang sangat tinggi. Namun jika diteliti terdapat tiga item yang sedikit melepasi tahap tinggi iaitu item berkaitan penerimaan tarikh pelaksanaan program dengan nilai min=4.24 dan sisihan piawai=0.88. Item penerimaan ketetapan bacaan hafazan yang ditetapkan sebagai muqarror dengan nilai min=4.32 dan sisihan piawai=0.85 dan item kemampuan mengekalkan hafazan sedia ada dengan nilai min= 4.39 dan sisihan piawai=0.84. Selain daripada

item tersebut, nilai min adalah lebih dari kadar min=4.40. Statistik Deskriptif Persepsi Guru Tahfiz Terhadap Program Liqa' Maqari' dapat dilihat pada Jadual 4 di bawah.

Jadual 4: Statistik Deskriptif Persepsi Guru Tahfiz Terhadap Program Liqa' Maqari'.

Bil	Item	Min	SP	Intepretasi
1	Faham untuk mengekalkan hafazan 30 juzuk al-Quran perlukan kesungguhan yang tinggi.	4.98	0.12	Sangat Tinggi
2	Memahami program ini adalah amanah yang patut dipatuhi dengan penuh tanggungjawab dan berakauntabiliti.	4.90	0.30	Sangat Tinggi
3	Mampu mengekalkan hafazan sedia ada dan menambahbaik dari sebelumnya dalam program ini.	4.39	0.84	Sangat Tinggi
4	Sentiasa berusaha sedaya upaya menghadapi cabaran dalam pelbagai situasi untuk mencapai sasaran hafazan atau pengulangan al-Quran.	4.55	0.61	Sangat Tinggi
5	Mendapat pendedahan yang mencukupi mengenai kepentingan dan tujuan program ini dijalankan.	4.49	0.74	Sangat Tinggi
6	Dapat membantu membudayakan suasana Institusi Tahfiz di MITS.	4.59	0.58	Sangat Tinggi
7	Berkeupayaan untuk memahami kehendak dan matlamat BPI, JAIS terhadap program ini.	4.40	0.84	Sangat Tinggi
8	Menerima program ini sebagai salah satu usaha BPI JAIS bagi menjaga kebajikan guru Tahfiz.	4.45	0.86	Sangat Tinggi
9	Menerima bahawa tarikh pelaksanaan program adalah mengambil kira situasi bekerja dan sumbangan luar peserta kepada masyarakat.	4.24	0.88	Sangat Tinggi
10	Menerima ketetapan bacaan hafazan yang ditetapkan (muqarror) sedia ada adalah bersesuaian dan munasabah.	4.32	0.85	Sangat Tinggi
<b>Purata Keseluruhan</b>		<b>4.53</b>	<b>0.66</b>	<b>Sangat Tinggi</b>

### 5.3 Penilaian Tahap Kualiti Hafazan Guru Tahfiz Selepas Program

Keberkesanan program dari aspek kualiti hafazan guru tahfiz diuji dengan lapan soalan di mana responden perlu memberi maklum balas tentang tahap kualiti hafazan mereka berdasarkan pengalaman sebelum dan selepas menghadiri program. Soalan-soalan tersebut adalah berkaitan dengan ketetapan muqarror, tempoh masa menyelesaikan hafazan, jumlah kesalahan bacaan, penambahbaikan masalah yang dihadapi, mendisiplinkan diri mengulang 3 juzuk seminggu, motivasi diri, kepuashatian terhadap persembahan bacaan, melazimi bertalaqi, keterlibatan dengan program khas dan juga sumbangan kepada masyarakat. Ujian-t dijalankan bagi menentukan perbezaan tahap kualiti hafazan sebelum dan selepas menghadiri program. Analisis Ujian-t Tahap Kualiti Hafazan Guru Tahfiz Sebelum dan Selepas Program Liqa' Maqari' boleh dilihat pada Jadual 5 berikut:

Jadual 5: Analisis Ujian-t Tahap Kualiti Hafazan Guru Tahfiz Sebelum dan Selepas Program

		Liqa' Maqari'. (N=61)			
		Min	SP	Nilai t	Nilai p
<b>Pair 1</b>	Kualiti_Sebelum	36.93	5.69	-3.96	0.00
	Kualiti_Selepas	38.57	5.68		

Berdasarkan Jadual 5 di atas, analisis Ujian-t menunjukkan keseluruhan tahap kualiti hafazan guru tahfiz MITS sebelum dan selepas Program Liqa' Maqari'. Nilai  $t = -3.96$  dan  $p = 0.00$ . Nilai  $p$  ini  $< 0.05$ , maka kita boleh buat kesimpulan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan tahap kualiti hafazan diantara sebelum dan selepas program. Ini ditunjukkan dengan nilai perbezaan min 36.93 sebelum menghadiri program dan 38.57 selepas menghadiri program. Peningkatan min ini membuktikan bahawa program ini berjaya meningkatkan tahap kualiti hafazan guru tahfiz selepas menyertainya.

#### 5.4 Penilaian Tahap Pengaplikasian Kualiti Hafazan Guru Tahfiz Terhadap Pelajar

Keberkesanan program dari aspek tahap pengaplikasian kualiti hafazan terhadap pelajar MITS diuji dengan lapan soalan di mana responden perlu memberi maklum balas tentang tahap pengaplikasian kualiti hafazan mereka berdasarkan pengalaman sebelum dan selepas menghadiri program. Soalan-soalan tersebut adalah berkaitan dengan keupayaan menyemak 1/3 dari jumlah hafazan baru atau lama pelajar tanpa melihat mushaf, keupayaan menegur kesalahan hafazan pelajar, penambahbaikan masalah yang dihadapi pelajar, membantu pelajar dengan teknik sedia ada, mendisiplinkan diri pelajar mengulang 3 juzuk seminggu, motivasi diri pelajar, dan juga memberi teguran kepada pelajar yang melalaikan al-Quran. Ujian-t dijalankan bagi menentukan perbezaan tahap kualiti hafazan sebelum dan selepas menghadiri program. Analisis Ujian-t Tahap Pengaplikasian Kualiti Hafazan Program Liqa' Maqari diantara sebelum dan selepas menghadiri program boleh lihat **Jadual 6** dibawah.

Jadual 6: Analisis Ujian-t Tahap Pengaplikasian Kualiti Hafazan Program Liqa' Maqari diantara sebelum dan selepas menghadiri program (N=61)

		Min	SP	Nilai t	Nilai p
Pair 1	Aplikasi_Sebelum	31.60	4.10	-4.91	0.00
	Aplikasi_Selepas	33.21	4.12		

Berdasarkan Jadual 6 di atas, nilai  $t = -4.91$  dan  $p = 0.00$ . Nilai  $p$  ini  $< 0.05$ , maka kita boleh buat kesimpulan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan tahap pengaplikasian kualiti hafazan Program Liqa' Maqari diantara sebelum dan selepas menghadiri program. Ini ditunjukkan dengan nilai perbezaan min 31.60 sebelum menghadiri program dan 33.21 selepas menghadiri program. Secara umumnya, program ini berjaya meningkatkan tahap pengaplikasian kualiti hafazan guru tahfiz terhadap pelajarnya kepada yang lebih baik.

#### 5.5 Hubungan Tahap Kualiti Hafazan Selepas Program Dengan Pengaplikasiannya Terhadap Pelajar Di MITS

Hipotesis nol pertama ( $H_0^1$ ) yang dibentuk diuji dengan analisis korelasi pearson bagi melihat hubungan antara kualiti hafazan selepas program dengan pengaplikasiannya terhadap pelajar MITS. Jadual 7 menunjukkan keputusan ujian mendapati nilai  $r$  ialah 0.639 dan  $p = 0.00$ , iaitu  $p < 0.01$ . Nilai tersebut menunjukkan bahawa hipotesis nol pertama ( $H_0^1$ ) berjaya ditolak. Ini bermakna terdapat hubungan positif linear yang sangat kuat antara kualiti hafazan selepas dengan pengaplikasiannya terhadap pelajar MITS. Semakin meningkat kualiti hafazan, pengaplikasiannya juga akan meningkat.

Jadual 7: Analisis Korelasi Kualiti Hafazan dan Pengaplikasian Kualiti Hafazan selepas menghadiri Program Liqa' Maqari.

	Nilai Korelasi (r)	p
Kualiti_Slps	1	0.00
Aplikasi_Slps	.639*	0.00

\*.  $p < 0.05$  level (1-tailed).



## 6. PERBINCANGAN

Dapatan kajian yang dijalankan ini, seramai 61 orang responden yang terlibat terdiri dari guru-guru yang mengajar subjek Tahfiz al-Quran di Maahad Integrasi Tahfiz Selangor. Kajian mendapati bilangan responden dari MITS Klang adalah bilangan responden yang teramai iaitu 20 orang disusuli dengan Kuala Langat, Sabak Bernam dan Sepang. Manakala dari sudut jantina, responden adalah seimbang dengan 50.8% adalah lelaki dan 49.2% adalah perempuan. Secara puratanya responden yang terlibat adalah berumur antara 30 hingga 39 tahun iaitu kadar yang tertinggi sebanyak 90.2 % dengan mempunyai Ijazah Sarjana Muda dan Diploma Pendidikan yang diiktiraf sebanyak 86.9% masing-masing. Berdasarkan kajian Hanani Abd Manan et.al (2015), berkaitan dengan kesan penuaan atas implikasi kepada otak semasa pemprosesan otak mendapati bahawa hubungan intrahemisfera berubah menjadi semakin kompleks apabila semakin tua dan ianya akan bermula diusia 40 tahun. Justeru, adalah menjadi satu aset yang berharga bagi pihak BPI, JAIS dengan ramainya bilangan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan dalam kalangan penghafaz al-Quran di dalam lingkungan umur dibawah 40 tahun.

Rata-rata mereka ini, mempunyai gred jawatan antara DG 41 – 48 dan berpengalaman mengajar subjek tahfiz al-Quran diantara 6 hingga 10 tahun. Ini menunjukkan responden mempunyai kedudukan yang stabil dan kukuh dari segi pendidikan, perjawatan dan berpengalaman. Namun begitu, 47.5% dari responden adalah mereka yang telah menerima latihan berkaitan dengan subjek Tahfiz al-Quran antara 1 hingga 5 kali bagi tempoh 5 tahun terkini. Berdasarkan dapatan ini, pihak berwajib seharusnya menyeimbangkan latihan tersebut secara sama rata kepada semua guru khususnya guru Tahfiz al-Quran. Ini kerana latihan dilihat sangat perlu dan penting bagi meningkatkan prestasi kerja serta kemahiran guru pada masa sekarang dan masa akan datang (Abdul Latif Abdul Kadir & Maimunah Ismail, 1997). Walau bagaimanapun Neumann (2012) dan Baron (2013) menyatakan, keberkesanan program latihan itu yang dapat meningkatkan kualiti kerja, dalam aspek ini adalah kualiti hafazan al-Quran.

Berdasarkan dapatan kajian penyelidik, didapati tanggapan atau persepsi responden terhadap Program Liqa' Maqari' adalah sangat tinggi dengan nilai min 4.53 dan sisihan piawai 0.66. Ini dilihat dari sudut kefahaman mereka tentang betapa pentingnya mengekalkan dan memelihara hafazan mereka dengan penuh amanah dan bertanggungjawab. Analisis deskriptif menunjukkan nilai min tertinggi bagi kedua item tersebut adalah sebanyak 4.98 atau sisihan piawai 0.12 dan 4.90 atau sisihan piawai 0.30.

Namun begitu, dilihat dari sudut dua item lain iaitu penerimaan responden bahawa tarikh pelaksanaan program adalah mengambil kira situasi bekerja dan sumbangan luar peserta kepada masyarakat dan ketetapan bacaan hafazan yang ditetapkan (muqarror) sedia ada adalah bersesuaian dan munasabah adalah antara yang terendah dalam tahap tersebut dengan nilai min 4.24 atau sisihan piawai 0.88 dan 4.32 atau sisihan piawai 0.85. Walaupun ia masih diintegrasikan sangat tinggi, tetapi kedua-duanya adalah yang terendah dalam pembolehubah persepsi guru. Ini menunjukkan terdapat kekangan kerja hakiki atau sumbangan luar responden, ketika mana proses menyediakan pengulangan hafazan responden. Pencapaian hafazan akan terhasil dari sokongan faktor persediaan sebelum melaksanakan program dan juga peruntukkan masa yang baik (Siti Suriyani & Ahmad Yunus, 2018). Oleh itu, adalah perlu kita mengambil kira perkara ini bagi meminimumkan rasa tidak selesa responden terhadap program yang dianjurkan.

Berdasarkan dapatan kajian penyelidik mendapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan tahap kualiti hafazan diantara sebelum dan selepas program. Ini ditunjukkan dengan nilai perbezaan min 36.93 (sebelum menghadiri program) dan 38.57 (selepas menghadiri program). Ini bermakna program yang dijalankan berjaya memberikan hasil yang baik dan berkesan. Mengikut dapatan kajian, item yang tertinggi adalah responden dapat mengenalpasti kelemahan dan masalah bacaan hafazan yang dihadapi mereka dengan nilai min 4.29 atau sisihan piawai 0.52 selepas program.

Diikuti sumbangan responden terhadap pembangunan dan pembudayaan al-Quran dengan nilai min 4.01 atau sisihan piawai 0.76 selepas program serta bersemangat dan bermotivasi dalam melaksanakan bacaan hafazan yang ditetapkan dengan nilai min 4.09 atau sisihan piawai 0.76. Ini bertepatan dengan dapatan Azman & Nurul Inani (2010) menyatakan motivasi dalam latihan merupakan pembolehubah sokongan yang berkesan dalam sesebuah model latihan. Penelitian Said Syaripuddin & Abd. Samad Baso (2020) menyatakan hal yang sama iaitu hasil hafazan yang memuaskan akan tercapai sekiranya mempunyai motivasi yang kuat.

Walau bagaimana pun, penyelidik mendapati perbezaan itu hanya sedikit sahaja dan berpandangan pelaksanaan program ini perlu dipertingkatkan lagi agar memberi impak yang lebih berkesan. Ini dilihat dari segi keterlibatan responden dalam menyertai program khas seperti Isbath Hafazan dan Pertandingan Hafazan dengan nilai min 3.31 atau sisihan piawai 1.05 selepas menyertai program ini dan diintegrasikan berada di tahap sederhana. Ini sememangnya tidak selari dengan pernyataan Mohamad Marzuqi (2018), Abd Rahman (2018), Khairul Anuar (2018) bahawa pengujian dan penilaian yang berterusan adalah satu mekanisme dan platform yang baik dan berkesan yang dapat menentukan serta menjamin daya ingatan hafazan para penghafaz al-Quran.

Dapatan kajian penyelidik mendapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan tahap pengaplikasian kualiti hafazan Program Liqa' Maqari diantara sebelum dan selepas menghadiri program. Ini ditunjukkan dengan nilai perbezaan min 31.6 atau sisihan piawai 4.10 sebelum menghadiri program dan min 33.21 atau sisihan piawai 4.12 selepas menghadiri program. Berdasarkan dapatan kajian, terdapat beberapa item yang diinterpretasikan pada tahap cemerlang selepas program, menunjukkan guru-guru tahfiz al-Quran sangat menitikberatkan beberapa amalan antaranya sentiasa memberi nasihat dan teguran kepada pelajar agar tidak melalaikan tanggungjawab mengulang al-Quran, sentiasa memberi semangat dan motivasi kepada pelajar supaya terus berusaha mengulang al-Quran, sentiasa memberikan saranan dan teknik bagi membantu pelajar yang menghadapi masalah dan lemah dalam hafazannya dan dapat mengenalpasti masalah dan kelemahan bacaan hafazan pelajar yang perlu diperbaiki dan ditambahbaik.

Dapatan kajian ini dilihat hampir sama dengan dapatan Mardhiah (2018) bahawa pengetahuan dan kemahiran guru sangat penting bagi mewujudkan pengajaran yang berkesan. Ia bersamaan dengan konsep Model PdP Berkesan Fenstermacher dan Richardson (2005), antara salah satunya ciri pendorongnya adalah psikologi dalam pengajaran dengan menerapkan motivasi, galakan dan penerapan nilai. Seterusnya, Abdul Rahman Abd Ghani (2016) menyatakan bahawa adalah penting bagi guru mempunyai kemahiran pedagogi dalam pembelajarannya khusus berkaitan teknik dan kaedah. Mardhiah (2018) menyokong dengan mencatatkan dapatan kajiannya diinterpretasikan pada tahap sederhana tinggi dalam menggunakan kaedah dan teknik hafazan sendiri.

Walaupun terdapat perbezaan nilai min dalam keberkesanan program ini, tetapi nilai tersebut adalah sedikit. Dilihat dari sudut guru dapat memastikan pelajar dibawah jagaannya, mendisiplinkan diri mengulang al-Quran secara hafazan lebih dari 3 juzuk dalam tempoh seminggu berada ditahap baik tetapi ianya perlu dipertingkatkan lagi keupayaannya. Ini disokong dari dapatan Mardhiah (2018) dalam mewajibkan pelajar mengulang hafazan setiap hari di dalam kelas mencatatkan tahap sederhana tinggi. Namun dapatan Abd Rahman Abd Ghani et.al (2017) ternyata berbeza dengan mencatatkan intepretasi yang tinggi dalam kaedah tkrar ini.

Manakala dari sudut guru dapat mendengar dan menyemak 1/3 dari jumlah bacaan hafazan baru dan lama setiap pelajar tanpa melihat mushaf serta dapat menegur kesalahan bacaan hafazan pelajar samada kesalahan besar atau kecil tanpa melihat mushaf dilihat suatu amalan ini yang perlu diteliti dipertingkatkan juga. Penggabungan antara dua kaedah iaitu tasmik dan semakan ini dilihat dapat mendatangkan kesan positif pada daya ingatan (Abu Mazaya (1996). Walaupun ianya masih dikategorikan sebagai kemahiran dalam bidang konten yang berbentuk tradisional sahaja, implikasinya adalah terkait dengan kualiti hafazan al-Quran seorang guru tahfiz tersebut. Ia akan

mendatangkan himmah ataupun penghormatan yang tinggi pelajar terhadap gurunya. Abd Rahman Abd Ghani (2016) menyatakan guru tahfiz perlu lancar bacaan al-Quran disamping menjaga tajwid serta ilmu teori yang berkaitan dengannya. Dalam kajian Zainora et. al (2016) pula, menyatakan terdapat segelintir pelajar tidak suka menghafaz al-Quran kerana tidak menyukai guru tasmiknya.

Penyelidik berpandangan dengan hal tersebut, terdapat dua perkara yang perlu diteliti semula iaitu bebanan kerja atau kekangan masa guru tahfiz dan juga disiplin mengulang al-Quran. Walaupun guru berkeupayaan dalam motivasi, penerapan nilai dan mengetahui teknik serta teori hafazan tetapi yang menghimpitkan situasi mereka adalah kerja dan masa. Ahmad Zulfiqar Shah & Mohd Abd Nasir (2016) menyatakan bagi menghafaz al-Quran memerlukan kesabaran dan disiplin yang tinggi bagi memelihara dan mengekalkan hafazannya. Ia turut diakui oleh Sedek & Mustafa (2016) bahawa dalam kaedah lain seperti Kaedah Deobandy, juga sangat menekankan disiplin yang ketat.

## 7. RUMUSAN

Hasil dari kajian yang telah dijalankan, dapatlah dirumuskan bahawa Program Liqa' Maqari' merupakan satu platform guru-guru tahfiz al-Quran MITS bagi meningkatkan mutu dan kualiti hafazan. Ia didapati berkesan dan ini tercatat dari analisis kajian yang menunjukkan terdapat perbezaan antara sebelum dan selepas Program Liqa' Maqari' dilaksanakan. Ia dilihat dari tiga aspek iaitu persepsi guru tahfiz al-Quran terhadap program, kualiti hafazan guru tahfiz dan pengaplikasiannya terhadap pelajar MITS.

Tahap persepsi guru terhadap program ini adalah sangat tinggi melihat kepada kesungguhan pihak terlibat seperti pihak jabatan, pentadbir dan urusetia bagi mencapai matlamat dan objektif yang disasarkan. Namun dari aspek tahap kualiti hafazan dan pengaplikasiannya terhadap pelajar pula, guru tahfiz al-Quran dilihat perlu meningkatkan lagi usaha memurajaah al-Quran disamping tugas hakiki mereka sebagai pendidik di zaman yang penuh cabaran.

Walau bagaimanapun, usaha yang dilakukan oleh Bahagian Pendidikan Islam, Jabatan Agama Islam Selangor dilihat satu usaha murni yang baik dan terpuji khususnya bagi melahirkan dan melatih guru tahfiz al-Quran yang berkualiti dan berkemahiran. Program ini didapati berkesan dan mencapai matlamatnya, namun begitu perlu kepada penambahbaikan dalam pelaksanaannya.

Bagi meningkatkan lagi tahap keberkesanan Program Liqa' Maqari' ini, beberapa saranan diutarakan bagi mencapai matlamat dan objektif dalam program ini. Antara saranannya adalah:

1. Tempat dan waktu pelaksanaannya perlulah lebih terbuka dan fleksibel dengan dibekalkan buka rekod khas bagi mencatat pencapaian hafazan mereka berdasarkan keselesaan ruang masa dan tempat peserta dan fasilitator.
2. Guru tahfiz harus diberikan ruang masa tanpa gangguan bagi persediaan memurajaah pada sebelum dan semasa program dan juga dilaksanakan pada selain hari minggu kerana kebanyakan mereka sudah berkeluarga.
3. Ketetapan bacaan hafazan (muqarror) pula, dicadangkan minimum 4 hizb atau setengah juz sahaja kerana guru tahfiz terikat dengan kekangan atau bebanan kerja dan ianya lebih relevan dengan situasi terkini.
4. Pihak BPI JAIS perlu memantapkan program ini dengan melibatkan tokoh berwibawa luar sebagai fasilitator jemputan.
5. Bagi membudayakan program ini, pihak pentadbir seharusnya mewujudkan halaqah dalaman khas bagi melazimkan amalan mengulang hafazan secara konsisten dan komited. Ini diakui oleh sebahagian tenaga pengajar di sebuah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di bawah program Ulul Albab, yang mana mereka berinisiatif membentuk halaqah al-Quran khas sendiri bagi mengukuhkan hafazan masing-masing.
6. Pihak yang berkaitan juga, dicadangkan dapat menganjurkan satu acara tahunan Program Liqa' Maqari' gabungan MITS untuk lebih memantapkan hafazan antara guru-guru tahfiz .

7. Pihak pemerintah khususnya JAKIM perlu mencontohi pelaksanaan Program Liqa' Maqari' ini terhadap semua Institusi Tahfiz di negara ini.

## RUJUKAN

### Al-Quran

- Abu Mazaya al-Hafiz. 1996. *Panduan Menghafal al-Quran: Ilmu Tahfiz*. Kuala Lumpur. Darul Nu'man.
- Abd Rahman Abd Ghani, Abdul Munir Ismail & Wahibah Twahir. 2017. *Amalan Hafazan Al-Quran di Darul Quran JAKIM*. ISSN 1985-496X /eISSN 2462-2435. Jurnal Perspektif: Special Issue 1 (2017),(125-135).
- Abd Rahman Abd Ghani. 2018. *Isbath: Kaedah Pengujian Hafiz Di Malaysia*. Ke Arah Pengiktirafan Huffaz Di Malaysia. Centre of Quranic Research (CQR) dengan kerjasama Darul Quran JAKIM 2018. Polo Enteprise.
- Abdul Latif Abdul Kadir dan Maimunah Ismail. 1997. *Hubungan Keberkesanan Latihan dengan Prestasi Kerja*. ISSN: 0128-7702. Pertanika J. Soc. Sci. & Hum. 5(2): 73-82 (1997).
- Abdul Hafiz bin Haji Abdullah, Hussin bin Salamon, Azmi Shah bin Suratman, Sulaiman Shakib bin Mohd Noor, Kamarul Azmi bin Jasmi dan Abdul Basit bin Samat @ Darawi. 2005. *Sistem Pembelajaran Dan Kaedah Hafazan Al-Qur'an Yang Efektif: Satu Kajian Di Kuala Lumpur Dan Terengganu*.
- Ahmad Zulfiqar Shah Abdul Hadi & Mohd Abd Nasir Abdul Latif. 2016. *Pengayaan, Pengukuhan dan Pemulihan dalam Pembelajaran Tahfiz al-Quran: Kajian di Beberapa Sekolah Tahfiz Terpilih di Kelantan*. Memperkasa Generasi Penghafaz Al-Quran. Darul Quran JAKIM dengan kerjasama Centre of Quranic Research (CQR) 2016.
- Alih Nasrollahi-Mouziraji. 2015. *Memorization Makes Progress. Theory and Practice in Language Studies*. Vol. 5, No. 4, pp. 870-874, April 2015. ISSN 1799-2591. DOI: <http://dx.doi.org/10.17507/tpls.0504.25>.
- Azmil Hashim, Ab. Halim Tamuri & Misnan Jemali. 2013. *Latar Belakang Guru Tahfiz Dan Amalan Kaedah Pengajaran Tahfiz Al-Quran Di Malaysia*. The Online Journal of Islamic Education
- Azman Ismail & Nurul Inani Ibrahim. 2010. *Motivasi Latihan Sebagai Pembolehubah Penghubung antara Program Latihan dan Keberkesanan Latihan*. Jurnal Kemanusiaan bil.16, Dis 2010.
- Baron, C. (2013). *Using Inquiry Based Instruction to Encourage Teachers' Historical Thinking at Historic Sites*. Teaching and Teacher Education, 35, 157-169.
- Goldstein, I.L.; Ford, J.K. 2002. *Training in Organization: Needs Assessment, Development and Evaluation*. CA, USA: Wadsworth Group, Thomson Learning, Inc.
- Hanani Abdul Manan, Ahmad Nazlim Yusoff & Siti Zamratol-Mai Sarah Mukari. 2015. *Kesan Penuaan ke atas Kehubungan Berkesan Otak semasa Pemprosesan Ingatan Bekerja Daripada Perspektif Pemodelan Sebab dan Akibat Dinamik*. Sains Malaysiana 44(9)(2015): 1339–1350.
- Irwin L. Goldstein. 1993. *Training in Organizations: Needs Assessment, Development, and Evaluation*. Brooks/Cole Publishing Company, 1993. ISBN 0534164528, 9780534164522.

- Khairul Anuar Mohamad. 2018. *Majlis Syuyukh Dalam Memperakukan Tahap Profesionalisme Hafiz Al-Quran*. Ke Arah Pengiktirafan Huffaz Di Malaysia. Centre of Quranic Research (CQR) dengan kerjasama Darul Quran JAKIM 2018. Polo Enteprise.
- Mardhiah binti Yahaya dan Zetty Nurzuliana binti Rashed. 2018. *Amalan Guru Hafazan Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Di Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Ulul Albab*. Jurnal hal Ehwal Islam dan Warisan Selangor. ISSN: 2600-7509. Bil 2 No 1 2018.
- Md. Enamul Hoque. 2018. *Memorization: A Proven Method of Learning*. International Journal of Applied Research: Vol.22, pp142-150.
- Mohamad Khairudin Bajuri, Rohaida Mohd. Saat, M. Y. Zulkifli Mohd. Yusoff, Noor Naemah Abdul Rahman dan Durriyyah Sharifah Hasan Adli. 2014. *Pendekatan Peneguhan Bagi Aktiviti Hafalan Al-Quran Dalam Kalangan Pelajar Di Peringkat Menengah Rendah*. Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari. Universiti Sultan Zainal Abidin. ISSN: 2289-6325. Bil 8 Jun 2014 (113-135).
- Mohamad Marzuqi Abdul Rahim. 2018. *Penilaian Dan Pengujian Huffaz: Satu Keperluan*. Ke Arah Pengiktirafan Huffaz Di Malaysia. Centre of Quranic Research (CQR) dengan kerjasama Darul Quran JAKIM 2018. Polo Enteprise.
- Mujahid Bin Ahmad Lutfi & Prof. Madya Dr. Khairul Anuar Bin Mohamad. 2019. *Muqri' Dalam Talaqqi al-Quran Menurut al-Imām al-Nuwayrī Dalam Muqaddimah Sharḥ Ṭoyyibah al-Nashr Fī al-Qirāāt al-'Ashr*. Proceedings of the 6th International Conference on Quran as Foundation of Civilisation (SWAT 2019) FPQS,Universiti Sains Islam Malaysia, 8-9 October 201. Paper No. BM001.
- Muhammad Idris Abdul Rauf al-Marbawi. 1931. *Kamus Idris al-Marbawi*. Juz 1. Cetakan Mustafa al-Bab al-Halabi wa Awladuhu. Mesir.
- Neumann, D. 2012. *Training Teachers to Think Historically: Applying Recent Research to Professional Development*. The History Teacher, 45(3), 383- 403.
- Nijman, D.J.J. 2004. *Differential Effects of Supervisor Support on Transfer of Training*. University of Twente, Enschede.
- Nur Sakinah Nabilah Binti Zaini & Mohd Faizulamri Bin Mohd Saad. 2019. *Faktor Yang Mempengaruhi Pengukuhan Hafazan Dalam Kalangan Lulusan Tahfiz*. At-Tahkim, Vol. 9, No. 27.06. 2019. ISSN No. 2541-3856.
- Resolusi Simposium Pendidikan Tahfiz Al-Quran Peringkat Antarabangsa 2016 Sempena Sambutan Jubli Emas Darul Quran, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Said Syaripuddin dan Abd. Samad Baso. 2020. *Makna Menghafal Al-Qur'an Bagi Masyarakat Kampung Lempangeng Desa Boddie Kec. Mandalle Kab. Pangkep*. Volume 1 Nomor 1 Januari 2020.
- Sedek Arifin & Mustaffa Abdullah. 2016. *Kaedah Hafazan al-Quran Deobandy di Malaysia: Satu Analisis*. Memperkasa Generasi Penghafaz al-Quran. Darul Quran, JAKIM dengan Kerjasama Centre of Quranic Research (CQR). ISBN 978-983-43708-1-7.
- Siti Suriyani Binti Sulaiman, Ahmad Yunus bin Kassim. 2018. *Pelaksanaan Hafazan Dalam Program Ulul Albab Berdasarkan Jantina Dan Kumpulan*. Indonesia Journal of Learning Education and Counseling. Vol 1, No 1, September 2018, pp 01-10 p-ISSN:2460-1497 dan e-ISSN: 2477-3840.

- Tai, W.T. 2006. *Effects of Training Framing, General Self-Efficacy and Training Motivation on Trainee's Training Effectiveness*. Personal Review, 35(1):51-65
- Zainora Daud, Hayati Hussin, Muhammad Lukman Ibrahim, Abdul Rahim Ahmad & Nurfatihah Mohd Dzahir. 2016. *Penghayatan Konsep Hamlah al-Quran dari Segi Perspektif Adab dan Akhlak dalam Kalangan Huffaz: Satu Kajian Untuk Pengukuhan Hafazan*. Memperkasa Generasi Penghafaz Al-Quran. Darul Quran JAKIM dengan kerjasama Centre of Quranic Research (CQR) 2016.